

Denggi meningkat 150 peratus

■ 5,448 kes direkodkan di WPKL sehingga minggu lalu

19/10/14 MS9
Metro

Oleh Rosyahuda Abdullah
rosyahuda@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Sehingga akhir minggu lalu, sejumlah 5,448 kes denggi direkodkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) sepanjang tahun ini yang menunjukkan peningkatan lebih 150 peratus berbanding 2,100 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Peningkatan turut membabitkan jumlah kematian daripada enam kepada 13 sepanjang tempoh berkenaan.

Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Dr Ahmad Zaidi Zainal Abidin berkata, usaha kini dipergiatkan bagi membanteras denggi di ibu kota terutama kawasan yang mempunyai kes.

"Ketika ini, kami (Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL) bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan WPKL serta persatuan penduduk pada setiap minggu un-



FAKTA
Dari segi kedudukan, WPKL berada pada tangga ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kelantan

RIZUAN (tiga dari kanan) pada Karnival Mini Gaya Hidup Sihat 2014. Gambar kecil, Dr Ahmad Zaidi.

tuk melaksanakan program pencegahan denggi secara bersepadu meliputi gotong-royong dan program kesedaran.

"Melihat pada angka, ia memang meningkat namun masih lagi terkawal. Realitinya kenaikan ini dicatatkan di hampir semua negeri di

seluruh negara.

"Dari segi kedudukan, WPKL pada tahun ini di tangga ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kelantan berbanding tangga kedua pada tahun lalu," katanya kepada pemberita pada Karnival Mini Gaya Hidup Sihat 2014 di Taman Me-

tropolitan Kepong di sini, semalam.

Hadir sama Ketua UM-NO Bahagian Kepong Datuk Rizuan Abd Hamid.

Pada karnival itu, program Sahabat Kepong dilancarkan menyasar 400 penyertaan daripada belia-



Kepong berumur sekitar 15 hingga 25 tahun untuk terbabit dalam aktiviti kemasyarakatan di kawasan berkenaan.

Rizuan berkata, selain melakukan aktiviti komuniti bersama, Sahabat Kepong juga menjadi landasan terbaik melaksanakan aktiviti gotong-royong termasuk membanteras denggi yang semakin meningkat.

"Saya kira usaha DBKL melancarkan program ini di Kepong akan mengimarahkan lagi masyarakat di sini untuk bukan saja mengenali jiran setempat dan melakukan aktiviti bersama, malah menyuntik rasa tanggungjawab untuk menjaga keamanan kawasan ini (Kepong)," katanya.

Selain aktiviti seperti senamrobik dan pertunjukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, program itu turut mendapat kerjasama beberapa agensi kerajaan lain antaranya Klinik Kesihatan Jinjang yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara percuma